



Untuk video layari  
www.bharian.com.my

Pelancaran MRT Fasa 1 laluan Sungai Buloh-Semantan mula beroperasi untuk orang ramai hari ini.

# Malaysia seiring negara maju

## Komentari



**Prof Dr  
Amiruddin Ismail**

**Ketua** Pusat Penyelidikan Pengangkutan Bandar Mapan (SUTRA), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**H**ari ini satu sejarah negara terlakar. Dengan mulanya operasi perkhidmatan rel Mass Rapid

Transit (MRT) bagi laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) menjadikan negara seiring dengan negara maju lain seperti Singapura dan Hong Kong yang turut mempunyai prasarana yang sama.

Projek ini adalah hasil kajian dan penyelidikan yang mengambil masa agak lama bagi mencari jalan penyelesaian terhadap kesesakan lalu lintas di ibu negara khususnya. Hari ini ia direalisasikan.

Jika dilihat kejayaan sistem pengangkutan awam di luar negara mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan menarik minat pengguna kerana ia dianggap sebagai *reliable* atau 'boleh dipercayai'.

Atas beberapa faktor ia mampu menarik pengguna menggunakannya kerana ketepatan waktu, muatan yang dijanjikan, mampu memenuhi

permintaan kehendak semasa waktu puncak dengan kekerapan masa tren lebih singkat yang menjadikan waktu menunggu lebih pendek.

Selain itu, keselesaan juga menyumbang kepada minat orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan awam ini.

### Pengangkutan efisien

Secara peribadi, saya berpendapat pengangkutan awam yang efisien dan *reliable* memudahkan orang ramai dan menjimatkan masa kembara, selain kos yang murah berbanding menggunakan kenderaan sendiri yang memerlukan kos minyak, tol, menyelenggara kenderaan dan tempat letak kereta.

Isu sekarang adalah membabitkan *first mile* iaitu tempat mula perjalanan, yakni di rumah. Jika jauh, maka pihak terbabit perlu menyediakan bas pengantara atau laluan bagi memudahkan pengguna ke stesen berhampiran.

Begitu juga keadaannya dengan *last mile* di mana ia

membabitkan destinasi tujuan atau tempat kerja. Jika stesen berada dekat dengan tempat yang dituju tidak ada masalah. Namun, jika sebaliknya, bas pengantara perlu disediakan.

Saya sendiri secara peribadi dapat melihat pengurangan dari segi kenderaan di atas jalan raya semasa sistem Transit Aliran Ringan (LRT) diperkenalkan beberapa tahun lalu bagi laluan Kelana Jaya dan Ampang. Jadi, kita juga berharap dengan operasi MRT ini pengurangan kenderaan di atas jalan raya akan meningkat.

Kajian seterusnya perlu dilakukan bagi melihat peningkatan kadar pengurangan kenderaan di atas jalan yang mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Namun, jika kadar pengurangannya sedikit, kita perlu mencari jalan penyelesaiannya bagi memastikan matlamat mengurangkan kenderaan di atas jalan menjadi kenyataan.